



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA DARIPADA
YANG BERBAHAGIA
DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**ISU DAN STATUS TERKINI BERKAITAN KEBAJIKAN HAIWAN
DAN ISU DAGING KUDA DALAM CAMPURAN DAGING BURGER**

i. STATUS TERKINI RANG UNDANG-UNDANG (RUU) KEBAJIKAN HAIWAN

Deraf Rang Undang-Undang (RUU) Kebajikan Haiwan telah melalui paparan Seranta Awam atas Talian sebanyak 2 kali bermula pada 19 Jun 2012. Paparan ini telah dibuat mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 – Seranta Awam Atas Talian Bagi Sebarang Cadangan Baru atau Pindaan Undang-Undang. Pembangunan Deraf ini telah bermula pada November 2010 dan telah melalui semakan dan pindaan sebanyak 12 kali. Ini adalah untuk memastikan RRU ini adalah selengkap yang mungkin dan menepati piawaian antarabangsa dan keperluan domestik.

Paparan kali pertama dibuat untuk orang awam memberi komen dan cadangan bagi tujuan penyediaan RUU Kebajikan Haiwan. Manakala paparan kali kedua pula bertujuan untuk memaklumkan kepada umum tentang keseluruhan RUU setelah mengambil kira komen dan cadangan daripada pihak awam hasil daripada paparan pertama. Selepas paparan kali kedua, Deraf RUU ini telah melalui semakan dan penambahbaikan sebelum ia dihantar ke Jabatan Peguam Negara dalam masa yang terdekat. Semua

langkah yang telah diambil menunjukkan isyarat yang jelas bahawa Kerajaan sentiasa peka dan ingin mendengar setiap pandangan dan cadangan serta menangani masalah yang berlaku dalam masyarakat. Ini adalah penting kerana Kerajaan ingin melaksanakan perubahan yang ketara terhadap Kebajikan dan Kesejahteraan Haiwan ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dalam negara yang maju.

Peraturan-peraturan yang terkandung dalam RUU Kebajikan Haiwan adalah:

- (i) perlesenan premis yang menjalankan aktiviti berkaitan haiwan;
- (ii) pendaftaran premis yang menjalankan aktiviti haiwan;
- (iii) peraturan untuk kompaun;
- (iv) peraturan untuk menentukan kadar fi;
- (v) peraturan perlantikan *animal welfare officer*; dan
- (vi) peraturan untuk mengeluarkan *improvement notice*.

ii. ADUAN : KEKEJAMAN TERHADAP GAJAH DI ZOO MELAKA

DVS telah melakukan pemeriksaan ke atas ketiga-tiga gajah tersebut dan mendapati tiada unsur-unsur kecederaan fizikal yang dikesan semasa pemeriksaan fizikal dijalankan. Khidmat nasihat juga telah diberikan kepada pihak pengurusan Zoo Melaka dan mereka mengambil maklum berkenaan perkara tersebut.

iii. PELAN STRATEGIK KEBAJIKAN HAIWAN KEBANGSAAN (NATIONAL STRATEGIC PLAN FOR ANIMAL WELFARE)

Di dalam masa yang sama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menghasilkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan (National Strategic Plan for Animal Welfare). Pelan ini akan memandu kita untuk tempoh lapan tahun akan datang, bagaimanakah kita akan mengangkat nilai kebajikan haiwan setaraf dengan negara maju lain dengan berpaksi kepada nilai setempat. Semoga dengan langkah ini kerja kita akan menjadi lebih strategik dan terancang. Proses konsultasi akan terus dijalankan dengan pihak berkepentingan untuk merangka pelan berkenaan. Pelan ini juga telah dilancarkan semasa *3rd OIE Global Conference on Animal Welfare* yang telah berlangsung pada 6 hingga 8 November 2012 di Kuala Lumpur. Ini

menunjukkan komitmen Malaysia dalam memastikan hal-hal berkaitan kebajikan haiwan diberi penekanan setanding dengan negara maju yang lain.

**iv. JAWATANKUASA PENASIHAT KEBAJIKAN HAIWAN MALAYSIA
(MALAYSIAN ANIMAL WELFARE ADVISORY COMMITTEE, MAWAC)**

Sementara itu, kebanyakan cadangan dan pandangan daripada awam tentang kebajikan haiwan (yang tidak berkaitan dengan Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan) turut dikumpulkan oleh pihak DVS untuk dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Penasihat Kebajikan Haiwan Malaysia (Malaysian Animal Welfare Advisory Committee, MAWAC) yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Noh Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. MAWAC terdiri daripada pelbagai agensi dan 'stakeholder' yang berkaitan bagi membincangkan dan menyelesaikan serta menangani isu berkaitan kebajikan haiwan.

v. DAGING KUDA DALAM CAMPURAN DAGING BURGER

DVS tidak meluluskan sebarang pengimportan daging dan produk daging dari sebarang loji atau rumah sembelih dari negara-negara Kesatuan Eropah. Loji-loji tersebut tidak diluluskan atas dasar teknikal dan halal dari pihak JAKIM. Justeru, orang awam tidak perlu curiga dengan integriti produk daging yang sedia ada di Malaysia. Kebenaran membawa masuk daging dan produk berasaskan daging adalah dari loji-loji yang telah mendapat kelulusan pihak DVS dan JAKIM. Senarai loji atau rumah sembelih yang telah diluluskan oleh DVS boleh didapati di laman sesawang rasmi Jabatan (www.dvs.gov.my).

**DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
21 FEBRUARI 2013**